

17/02/2001

Peralihan kuasa MCA jadi tajuk utama

Teh Kean Kiat

ISU peralihan kuasa MCA yang dibangkitkan semula baru-baru ini semakin hangat dibincangkan dan hampir semua akhbar berbahasa Cina menjadikan berita utamanya sepanjang minggu lalu.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek dipetik China Press edisi Khamis sebagai berkata, beliau mahu meninggalkan parti itu dalam keadaan yang aman dan damai.

Katanya, sebelum meninggalkan parti itu, beliau bertanggungjawab untuk memastikan pemilihan parti akan datang tidak menimbulkan sebarang masalah.

Beliau berkata, isu peralihan kuasa ditimbulkan oleh MCA Johor dan ia langsung tidak berkaitan dengannya.

Menurutnya, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tidak boleh menggunakan 'isi kandungan perbincangan peralihan kuasa sebagai sulit dan rahsia' sebagai alasan kerana ahli parti dan masyarakat Cina berhak mengetahui perkara sebenar.

Rabu lalu, Menteri Kesihatan yang juga Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng dipetik Nanyang Siang Pau sebagai berkata, beliau sudah lali dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan terhadapnya setiap kali timbul sesuatu isu dalam parti dan Kabinet.

Katanya, hanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakyat boleh membuat penilaian berdasarkan prestasi kerjanya.

Kelmarin, Naib Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy dipetik Sin Chew Jit Poh berkata, beliau akan membuat serangan balas terhadap pihak yang sengaja memburuk-burukkan imej dan namanya.

Katanya, ini adalah masa paling sesuai untuk membersihkan namanya selepas beberapa kali beliau dituduhkan memaksa Dr Ling dan Chua meletak jawatan.

Beliau yang sudah 21 tahun berada di MCA berkata, apa yang diperolehinya sekarang adalah hasil titik peluh dan usahanya sendiri.

Sementara itu, Isnin lalu, China Press melaporkan kira-kira 900 ahli MCA termasuk menteri dan timbalan menteri dari sekitar Lembah Klang dijangka meninggalkan parti itu untuk menyertai Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dalam tempoh dua minggu.

Menurut laporan itu, semua ahli MCA terbabit dikatakan sudah berjumpa dengan Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Noor dan satu majlis rasmi untuk menyambut ahli baru akan diadakan dalam masa satu hingga dua minggu lagi.

Bagaimanapun, berita itu disangkal oleh Pengerusi Perhubungan MCA bahagian Klang, Datuk Teh Chang Eng dan sebaliknya beliau menerima permohonan kemasukan ahli baru.

Dalam perkembangan lain, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim dipetik China Press keluaran Isnin lalu sebagai berkata, pemindahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Damansara mempunyai sebab lain iaitu untuk mengelakkan jumlah murid yang semakin kurang.

Katanya, pemindahan murid secara sementara ke sekolah lain adalah taktik lembaga pengurus dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk menggesa kerajaan menyiapkan pembinaan premis baru itu secepat mungkin.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dipetik Sin Chew Jit Poh keluaran Isnin berkata, orang Melayu harus mempelajari sikap orang Cina yang tabah dan suka bersaing untuk mencapai kejayaan.

(END)